

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
(AMPANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.03.2015**

**Y.B. PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [ AMPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan Malaysia Airlines Bhd. di bawah kelolaan Pengarah Eksekutif baru, Christopher R. Mueller yang telah mengambil alih operasi syarikat tersebut semenjak Januari 2015.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Christoph Mueller telah dilantik sebagai CEO Malaysia Airlines Bhd (NewCo) pada 1 Mac 2015 tetapi NewCo hanya akan mula beroperasi pada 1 Julai 2015.

2. Susulan dengan pengumuman Pelan Pemulihan MAS (PPM) pada 29 Ogos 2014 dan seterusnya Laporan Suku Pertama PPM pada 28 November 2014, MAS telah berjaya memperoleh kelulusan pemegang saham minoriti bagi pelaksanaan pengurangan modal secara terpilih *Selective Capital Reduction* (SCR) yang dicadang oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), kelulusan untuk penubuhan syarikat baru (NewCo) iaitu Malaysia Airlines Bhd serta kelulusan Parlimen ke atas Rang Undang-Undang Malaysian Airline System Bhd (Pentadbiran) 2014.

3. Dalam laporan suku kedua pada 2 Mac 2015, pencapaian utama yang dicatatkan adalah seperti berikut:

- a. Bayaran berjumlah RM1.38 bilion telah dibuat kepada pemegang saham lanjutan daripada kelulusan SCR sebagai sebahagian daripada fasa pertama pendanaan pelaburan bersyarat berjumlah sehingga RM2.0 bilion;
- b. Saham MAS telah dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia pada 31 Disember 2014;
- c. Akta Malaysian Airline System Bhd (Pentadbiran) 2015 (Akta MAS) diluluskan di Parlimen berkuatkuasa pada 20 Februari 2015;

- d. Christoph Mueller secara rasminya memulakan tugas sebagai CEO Malaysia Airlines Bhd (NewCo) pada 1 Mac 2015. Beliau juga memegang jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif MAS;
- e. Sebanyak 4,000 kontrak dikenal pasti dalam kajian semula menyeluruh kontrak-kontrak MAS untuk diserah hak (*novation*), ditamatkan dan dirunding semula. MAS kini sedang berunding dengan Brahim's Airline Catering Sdn Bhd (BAC) untuk menandatangani perjanjian katering baru. MAS dan BAC telah pun memeterai Perjanjian Penyelesaian (*Settlement Agreement*) pada 26 Februari 2015 bagi tempoh sementara bermula 1 Oktober 2014 hingga 31 Mac 2015. Perjanjian tersebut akan menyaksikan pengurangan kos bulanan dalam tempoh tersebut selain penyelesaian bagi jumlah kos tertunggak secara keseluruhan;
- f. Pusat Pembangunan Korporat atau *Corporate Development Centre* (CDC), yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Semula Korporat akan mula beroperasi pada 1 April 2015. CDC akan menyediakan peluang latihan dan penempatan semula bagi kakitangan MAS yang tidak diserap ke NewCo;
- g. Perpindahan kakitangan daripada Subang ke Bangunan Kemudahan Sokongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

dijadualkan bermula pada Mei 2015; dan

h. Panel Perundingan Pekerja atau *Employee Consultative Panel (ECP)* telah mengadakan dua mesyuarat pada 8 Disember 2014 dan 17 Februari 2015 yang dihadiri oleh wakil bagi semua kesatuan sekerja, persatuan kakitangan dan wakil kakitangan yang tidak termasuk dalam kesatuan sekerja.

**SOALAN ( 62 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25 MAC 2015  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan senarai rancangan pembinaan rumah mampu milik yang akan dijalankan dalam masa terdekat ini.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus utama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ialah membekalkan perumahan kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana rendah.

Antara jenis-jenis perumahan yang disediakan di bawah KPKT adalah Projek Perumahan Rakyat (PPR), *MyHome* dan Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Bagi pembinaan projek *MyHome*, KPKT menganggarkan sekitar 10,000 unit rumah akan mula di bina pada tahun 2015 manakala perancangan pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi tahun 2014 dan 2015 mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Unit</b>
i.	Perlis	400
ii.	Kedah	1030
iii.	P.Pinang	70
iv.	Perak	819
v.	N.Sembilan	700
vi.	Melaka	300
vii.	Johor	3,550
viii.	Kelantan	1250
ix.	Sarawak	1681
x.	Labuan	500
xi.	Sabah	4808
xii.	Pahang	300
<b>Jumlah</b>		<b>15,408 unit</b>

Bagi PPA1M pula, sehingga kini sebanyak 5 projek telah diluluskan mengikut negeri-negeri seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Unit</b>
i.	Sabah	1,296
ii.	Kedah	1000
iii.	Kedah	30
iv.	Johor	694
v.	Pahang	286
<b>Jumlah</b>		<b>3,306 unit</b>

Dalam perancangan, penyediaan sejuta rumah mampu milik bagi jangkamasa 5 tahun (2013 – 2018) berdasarkan Mesyuarat Majlis Perumahan Negara, pihak pemaju swasta dijangka akan menyediakan 150,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh tersebut. Setakat ini sebanyak 40,650 unit rumah telah berjaya disiapkan.